

DBKL beri sumbangan kepada mangsa tanah jerlus

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyampaikan sejumlah sumbangan kepada keluarga wanita warga India yang hilang selepas terjatuh dalam lubang tanah jerlus di Jalan Masjid India, pada 23 Ogos lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, tidak menyatakan jumlah sumbangan tetapi katanya ia diserahkan sebelum keluarga wanita terbabit pulang ke negara mereka.

Katanya, sumbangan berkeajaan turut diberikan oleh pihak korporat.

"Kita telah serahkan sumbangan dengan nilai berpatutan kepada waris mangsa sebelum mereka pulang ke India, baru-baru ini. Berpatutan (nilai sumbangan) insya-Allah," katanya kepada *BH*.

Pada Sabtu lalu, Zaliha mengumumkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) G Vijaya Lakshmi, 48, dihentikan selepas sembilan hari dilaksanakan.

Sementara itu, keluarga mangsa, dilaporkan telah pulang ke India pada Ahad malam selepas operasi SAR dihentikan dan memasuki fasa 'search and recovery', Sabtu lalu.

Orang ramai mula menjalankan aktiviti seperti biasa di jalan utama berhampiran lokasi kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India, sejak Isnin lalu.